

# Pertukaran: Kerajaan Kelantan berhak — PM

UM 16 DEC 1988

F-Trips

©

Dari  
Rosli Ismail

**S**SINGAPURA 15 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan langkah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Negeri Kelantan membatalkan perintah pertukaran pegawai pentadbiran negeri yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) adalah satu tindakan yang membelakangkan demokrasi.

Sambil menyuarakan rasa dukacitanya terhadap kejadian itu, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat tetap berpendirian bahawa pihak Kerajaan Negeri Kelantan mempunyai hak untuk menukar para pegawai berkenaan dan bukannya pihak lain.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat akan mengkaji dari segi kedudukan undang - undang dan amalan pentadbiran mengenai perkara ini dan tahu apa langkah yang hendak diambil bila tiba masanya nanti jika masalah ini tidak dapat diselesaikan juga.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang diminta mengulas mengenai krisis pertukaran para pegawai pentadbiran Negeri Kelantan itu juga tidak menolak anggapan

bahawa pasti ada orang lain di belakang tindakan SPA Kelantan itu dan ia ada kaitan dengan perselisihan politik.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan tidak rasmi selama tiga hari ke sini ketika ditemui oleh para wartawan Malaysia di bilik hotel penginapannya berkata, Kerajaan Pusat tidak menyalahkan para pegawai yang tersepit dalam masalah ini tetapi menyalahkan orang - orang yang mencetuskan perkara ini.

Krisis ini yang berpunca dari pertukaran 20 pegawai pentadbiran negeri tanpa dirujuk kepada Menteri Besar Tan Sri Datuk Haji Mohamad Yaacob pada 4 Disember lalu telah menjadi tegang bilamana SPA negeri itu pada 13 Disember telah membatalkan keputusan Exco yang meminda perintah pertukaran asal yang dibuat oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

Suruhanjaya itu telah mengekalkan senarai asal Setiausaha Kerajaan Negeri yang dibuat pada 4 Disember dengan alasan di bawah perlembagaan bahawa kuasa berkenaan ada di tangannya.

Sebaliknya Menteri Besar bertegas para pegawai terlibat harus mengikut keputusan yang dibuat oleh Exco kerana ia adalah kuasa tertinggi di negeri itu.

**LIHAT MUKA 13**

## Kerajaan Kelantan berhak — PM

Ditanya mengenai pertemuan Menteri Besar Kelantan dengannya sebelum berlepas ke sini semalam, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu Tan Sri Mohamad Yaacob cuma memberi penerangan tentang apa yang sebenarnya berlaku di Kelantan.

"Tan Sri Mohamad Yaacob juga memberitahu saya beliau telah mengadap Sultan Kelantan dan mengenai penjelasan yang dibuatnya pada baginda," katanya.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat berpendapat kerajaan negeri mempunyai hak untuk menukar para pegawai.

"Tidak akan ada satu pentadbiran yang berkesan kalau orang lain perintah dan orang lain tukar pegawai," tambahnya.

Ditanya mengenai pandangan Kerajaan Pusat atas kejadian ini beliau berkata, "saya rasa dukacita kerana ini menidakkan demokrasi di mana sebuah kerajaan yang dipilih ditentang oleh badan yang tidak dipilih oleh rakyat."

Kepada soalan apakah tindakan Kerajaan Pusat jika SPA Negeri Kelantan berkeras dengan keputusannya beliau berkata, kerajaan akan mengkaji dari segi kedudukan undang - undang dan amalan pentadbiran.

Ditanya pula adakah beliau merasai ada orang di belakang tindakan SPA negeri itu dan reaksinya terhadap penafian Tengku Razaleigh Hamzah beliau terlibat dalam masalah ini, Datuk Sri Dr. Mahathir yang mulanya tersenyum mendengarnya berkata:

"Ialah orang - orang seperti suruhanjaya itu tidak pernah membuat benda itu dan tidak ada sebab mereka buat benda itu melainkan ada orang lain yang mempunyai kepentingan yang menyebabkan mereka tiba - tiba sahaja ingkar."

Ditanya apakah ia ada kaitan dengan politik Perdana Menteri berkata, "saya fikir ada kaitan dengan politik kerana perkara itu tidak pernah berlaku dan tidak ada sebab berlaku melainkan kerana perselisihan politik yang nyata terdapat di Kelantan."

Menjawab soalan mengenai apa usaha Kerajaan Pusat untuk memastikan perkara yang berlaku di Kelantan tidak berulang lagi, beliau berkata: "Kita akan mengkaji perkara ini tetapi sebarang tindakan yang menidakkan kuasa kerajaan yang dipilih secara demokrasi perlu dikaji untuk menentukan bahawa proses demokrasi tidak terganggu dengan tindakan orang - orang tertentu."